

08/04/2002

Prestasi PTP cemerlang

Ahmad Ghazali Musa

JOHOR yang berada pada kedudukan strategik terus menggunakan kekuatan untuk muncul sebagai antara lokasi pilihan bagi menempatkan pelbagai kegiatan serantau dan dunia.

Bagi merealisasikan cita-cita itu, Kerajaan Johor mengambil pelbagai inisiatif memperkukuhkan lagi kedudukan negeri ini dalam peta dunia yang mampu mencabar kekuatan pesaing pada peringkat serantau.

Antara usaha dilakukan ialah penyediaan prasarana yang serba lengkap membabitkan pengangkutan darat dan udara serta menaik taraf kemudahan asas termasuk bekalan elektrik dan air.

Projek terbabit ada yang sedang rancak dinaik taraf mahupun pembinaan projek baru.

Pembinaan beberapa projek raksaksa yang sudah dapat disiapkan sepenuhnya terus menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi setempat dan pada peringkat negeri.

Antara kemudahan itu ialah Laluan Kedua Johor-Singapura dan Kompleks Sultan Abu Bakar di Tanjung Kupang, Gelang Patah, yang sudah beroperasi sejak beberapa tahun lalu kini menyaksikan pertumbuhan pesat di kawasan sekitarnya.

Di sepanjang Laluan Kedua ini kawasan perindustrian dan perumahan baru pesat dibangunkan termasuk projek perumahan raksaksa seperti pembangunan Bandar Nusajaya, Bukit Indah, Nusa Perintis dan banyak lagi.

Di kawasan pertumbuhan baru ini juga bakal muncul banyak lagi projek besar yang ada antaranya sudah pun diumumkan seperti Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor yang baru.

Beberapa lagi projek membabitkan syarikat terkemuka dari luar negara membabitkan pelaburan berbilion ringgit dijangka diumumkan dalam tempoh terdekat ini.

Selain itu, di kawasan ini muncul sebuah pelabuhan bertaraf dunia iaitu Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) yang sudah menampakkan 'belangnya' untuk menjadi pesaing di rantau ini dan dunia.

Kemunculan PTP dilihat sebagai satu tamparan hebat kepada pesaingnya apabila dalam tempoh yang singkat ia mampu mengendalikan lebih dua juta TeU kontena.

Dalam tempoh itu juga, PTP terus mendapat pengiktirafan pelbagai pihak antarabangsa ekoran kemampuannya yang bukan saja menyediakan perkhidmatan cekap, cepat dan berkesan, malah lebih kos efektif.

Kemampuan yang sudah dibuktikan PTP itu berjaya menarik lebih banyak syarikat kargo serta perkapalan untuk menggunakan perkhidmatannya.

Tidak kurang juga syarikat perkapalan yang sudah beroperasi di Pelabuhan Singapura mengambil keputusan berpindah ke PTP, apabila kontrak mereka selesai dengan pelabuhan negara jiran itu.

Antaranya ialah syarikat perkapalan terbesar dunia Maersk Sealand dari Denmark yang memindahkan operasi ke PTP. Yang terbaru ialah Evergreen Marine Corporation dari Taiwan yang akan menamatkan tempoh menggunakan perkhidmatan Pelabuhan Singapura Ogos ini turut mengambil langkah serupa.

Kerajaan negeri yang sentiasa memantau perkembangan itu yakin lebih banyak lagi syarikat perkapalan terkemuka dunia akan mengikut jejak syarikat besar ini memindahkan operasi ke PTP.

Berikutan prestasi memberangsangkan itu, enam lagi dermaga baru bakal dibina dan ia dijangka membabitkan kos bernilai lebih RM2.4 bilion.

Pembinaan enam dermaga baru itu turut diumumkan ketika lawatan Perdana

Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke pelabuhan itu, baru-baru ini.

PTP yang mempunyai kedalaman 15 meter direka bentuk untuk menerima kapal kontena terbesar dunia kini beroperasi dengan enam dermaga. Pembinaan fasa pertama yang siap sepenuhnya tahun lalu membabitkan kos kira-kira RM2.8 bilion.

Pembangunan pelabuhan itu turut menjadi pemangkin kepada pertumbuhan kawasan sekitar apabila syarikat pengendali pelabuhan itu turut dipertanggungjawab membangunkan kawasan 400 hektar Distripark bagi menarik syarikat multinasional menempatkan operasi mereka di kawasan itu.

Sesuai dengan pertumbuhan pesat kawasan itu, rangkaian pengangkutan bersepadu turut disediakan. Antaranya pembinaan rel kereta api bagi kemudahan pengangkutan kargo ke PTP membabitkan kos bernilai kira-kira RM600 juta yang sudah pun siap dan mula beroperasi.

Turut diberi perhatian ialah pembinaan stesen janakuasa dan pusat perindustrian petrokimia yang sudah diputuskan di kawasan strategik dan dijangka bermula tidak lama lagi.

Selain itu, bagi memastikan kelancaran pertumbuhan kawasan ini, usaha mempertingkatkan pengangkutan kargo udara menghubungkan Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail di Senai dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang membabitkan pelaburan RM800 juta akan dilaksana dalam tempoh terdekat.

Pelaburan itu termasuk pembinaan rel kereta api, kemudahan pengangkutan untuk kargo udara bertaraf dunia dan jalan raya yang mampu mempertingkatkan pengendalian pengangkutan kargo udara di Senai daripada 7,000 tan kepada 100,000 tan menjelang 2008.

(END)